

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM  
[ JULAU ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7882**

**SOALAN:**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah sebenar pekerja asing mengikut pecahan yang berdaftar dan yang tanpa izin serta jantina dan negara asal masing-masing.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 30 April 2015 adalah seramai 1,946,152 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.**

**Pecahan pekerja asing mengikut jantina sehingga 30 April 2015 bagi lima (5) warganegara tertinggi adalah seperti berikut :**

Bil.	Warganegara	Jantina		Jumlah (orang)
		Lelaki	Perempuan	
1.	Indonesia	489,549	248,302	737,850
2.	Nepal	498,297	15,233	513,530
3.	Bangladesh	243,431	768	244,199
4.	Myanmar	115,255	22,293	137,548
5.	India	96,383	1,968	98,351

**Mengenai statistik pendatang asing tanpa izin (PATI), Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang khusus memandangkan sehingga kini rekod yang dimiliki oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan pas yang dikeluarkan kepada pekerja asing yang bekerja di negara ini iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).**

**Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat PATI yang berada dalam negara. Seseorang warga asing boleh juga dianggap sebagai PATI sekiranya melakukan kesalahan seperti tinggal lebih**

**masa, melanggar Syarat Pas, tidak memiliki Pas/Permit yang sah atau menggunakan Pas/Dokumen Palsu.**

Berdasarkan 3,003 jumlah operasi penguatkuasaan yang dijalankan bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 30 April 2015 seramai 80,581 orang warga asing telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut seramai 19,007 orang adalah merupakan PATI. Sehubungan ini, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara.